



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/12/2019	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



ANTARA ular yang ditemui di rumah penduduk di Kampung Pogoh Tengah, Segamat.

Segamat: Mangsa banjir yang pulang ke rumah dari pusat pemindahan sementara (PPS) dinasihatkan peka dengan kehadiran spesies haiwan berbisa yang mungkin bersembunyi di rumah mereka.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Segamat, Kapten (PA) Mohd Nazlan Ruslan berkata, setakat ini, pihaknya menerima enam kes meminta bantuan menangkap pelbagai jenis ular di rumah mangsa sejak 14 Disember lalu hingga kelmarin.

"Dalam tempoh itu, kami menangkap lima ular sawa

batik dan seekor ular senduk hitam yang ditemui bersembunyi di bawah katil, dalam bilik tidur dan dapur rumah mangsa.

"Kami percaya akibat rumah ditinggalkan beberapa hari ketika mendapatkan perlindungan ketika banjir, haiwan berkenaan memasuki rumah melalui lubang tandas, celah rekahan atap dan saluran air hujan.

"Ada kes penemuan ular senduk sepanjang 1.8 meter seberat 25 kilogram bersembunyi di bawah katil penduduk di Kampung Genuang Baru di sini," katanya, semalam.